

NO. SOALAN : 214

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN**

**RUJUKAN : 9102**

**SOALAN:**

**Dr. Ko Chung Sen [ Kampar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) Mengapa senarai nama orang yang dilarang masuk ke Sarawak tidak boleh diumumkan lebih awal sebelum orang yang terlibat itu berkunjung ke negeri tersebut ; dan
- (b) Mengapa Ahli-ahli Parlimen yang bebas rekod jenayah boleh dilarang memasuki Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Senarai nama orang yang dilarang masuk ke Sarawak merupakan maklumat terperingkat yang dikategorikan sebagai SULIT. Sehubungan itu, maklumat ini tidak boleh didedahkan bagi tujuan keselamatan dan ketenteraman awam.**

**Manakala bagi menjawab soalan seterusnya, larangan kemasukan individu atau Ahli Parlimen tertentu ke Sarawak adalah kuasa mutlak Kerajaan Negeri Sarawak.**